



**MEMO ANTARA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU**

No. Telefon : 07-2257000 samb. 2907

No. Faks : 07-2242694

RUJ. FAIL	HSAJB/98J/3.2/KEW/400-127(2)	TARIKH	10 Jun 2021
KEPADA	KETUA JABATAN (SEPERTI SENARAI EDARAN)	Salinan Kepada : <ul style="list-style-type: none">• TPH (PERUBATAN)• TPH (PEMBEDAHAN)• TPH (PENGURUSAN)• KPP (KEW)	
DARIPADA	PENGARAH HOSPITAL		
PERKARA	PEMBERIAN ELAUN KHAS KEPADA PETUGAS PENJAWAT AWAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN		

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBrs.Dr./tuan/puan sedia maklurn, YAB Perdana Menteri menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021 telah memaklumkan mengenai persetujuan Kerajaan untuk memberi elaun khas kepada petugas penjawat awam yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada kadar RM200 sebulan.

3. Sehubungan dengan itu, Surat Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) rujukan KKM.500-8/2/72 Jld.6 (34) bertarikh 21 Mei 2021 menjelaskan berkenaan syarat pembayaran dan dibaca bersama Surat Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) rujukan MOSTI.600-7/1/2(S).JLD.9(62) bertarikh 23 Mei 2021 berkenaan Garis Panduan Pemberian Elaun Khas Kepada Petugas Penjawat Awam Terlibat Dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) agar pelaksanaannya teratur dan berkesan.

LATAR BELAKANG

4. PICK adalah satu program imunisasi untuk warganegara dan bukan warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas. Sebagai langkah memastikan hasrat Kerajaan untuk menyasarkan lebih ramai penduduk negara divaksinasi iaitu sehingga 26.5 juta atau anggaran 80% populasi negara dalam tempoh satu tahun, maka adalah wajar untuk mengenal pasti fasiliti awam atau swasta yang bersesuaian sebagai PPV tambahan selain daripada 600 fasiliti sedia ada di bawah KKM.

(2)

5. Penugasan di PPV akan melibatkan petugas kesihatan, bukan kesihatan dan sukarelawan. Petugas kesihatan adalah di kalangan anggota kesihatan sedia ada yang diselaraskan oleh KKM. Manakala petugas bukan kesihatan yang terdiri daripada pegawai awam perkhidmatan negeri yang akan diselaraskan oleh Kerajaan Negeri atau pegawai awam perkhidmatan persekutuan yang akan diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Petugas sukarelawan bukan kesihatan pula akan diselaraskan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penempatan penjawat awam di PPV boleh dilaksanakan secara sementara selaras dengan Proklamasi Darurat 2021.

6. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi elaun khas pada kadar RM200.00 sebulan kepada petugas-petugas penjawat awam yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 dalam PICK di PPV berkenaan.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

7. Pegawai yang layak diberikan elaun ini adalah petugas-petugas agensi yang diarahkan untuk terlibat secara langsung dalam pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi melaksanakan skop tugas berikut:

- 7.1. menjalankan kerja-kerja pemberian vaksin, konsultasi dengan penerima suntikan, menjalankan saringan kesihatan, menguruskan pendaftaran dan urusan temujanji penerima vaksin, menyediakan kad vaksinasi serta pemerhatian ke atas penerima selepas menerima suntikan sebelum penerima pulang;
- 7.2. memastikan ketersediaan kemudahan dan kelengkapan di PPV yang akan beroperasi adalah mengikut *standard operating procedure* (SOP);
- 7.3. mengurus, menyelaras dan mengkoordinasi pengurusan PPV sepanjang pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan;
- 7.4. melaksanakan pengurusan pentadbiran di PPV adalah berdasarkan SOP yang ditetapkan;
- 7.5. mengatur, menyusun dan memudahcara aktiviti pendaftaran penerima vaksin mengikut SOP pendaftaran yang ditetapkan;
- 7.6. memastikan pengurusan logistik di PPV sentiasa terkawal dan teratur (utiliti, tempat letak kereta, kemudahan ICT, keselamatan, kebersihan dan sanitasi);
- 7.7. menyedia dan melaporkan laporan pelaksanaan program di PPV kepada Pentadbir/Penyelaras PPV/ pihak Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF);

(3)

- 7.8. mengambil tindakan mitigasi dan pemulihan terhadap apa-apa isu yang timbul di PPV; dan
 - 7.9. melaksanakan lain-lain tugas mengikut keperluan daripada semasa ke semasa.
8. Seseorang petugas adalah dianggap **tidak layak** menerima elaun ini sekiranya:
- 8.1. merupakan petugas penjawat awam yang telah menuntut atau menerima elaun khas di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri;
 - 8.2. merupakan doktor dan anggota kesihatan yang terlibat secara langsung dalam usaha menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 **dan telah menuntut atau menerima** elaun khas selaras dengan Surat Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 16 Mac 2020 dan Surat Setiausaha KKM Berkaitan Penambahbaikan Dalam Pemberian Elaun Khas Kepada Doktor dan Anggota Kesihatan Yang Terlibat Secara Langsung Dalam Usaha Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID- 19 bertarikh 21 April 2020;
 - 8.3. program/inisiatif menangani COVID-19 yang terlibat adalah bukan diuruskan atau tidak diperakukan oleh CITF.

Syarat Pembayaran

9. Kementerian Kewangan pada 28 April 2021 telah bersetuju dengan syarat pembayaran elaun khas kepada petugas penjawat awam di PPV seperti berikut:
- 9.1. Petugas penjawat awam KKM yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di PPV dan turut menjalankan tugas-tugas yang terlibat secara langsung dalam menangani wabak COVID-19 pada bulan semasa seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 2 Tahun 2020 (SP KSU Bil.2/2020) dan Surat Edaran Ketua Setiausaha KKM bertarikh 21 April 2020 **boleh memilih untuk menuntut salah satu elaun** sama ada elaun khas kepada petugas penjawat awam di PPV atau Elaun Khas COVID-19 KKM.
 - 9.2. Petugas penjawat awam KKM yang diarahkan bertugas di PPV sahaja adalah layak dipertimbangkan elaun khas kepada petugas penjawat awam di PPV mengikut syarat pembayaran dan kadar seperti surat edaran yang dikeluarkan oleh MOSTI (kadar bayaran sepertimana di para 11).
10. Perkiraan kelayakan bayaran elaun ini adalah seperti berikut:
- 10.1. Dibayar atas kadar RM200.00 sebulan bagi pegawai yang menjalankan tugas sekurang-kurangnya 15 hari dalam satu (1) bulan kalendar;
 - 10.2. Dibayar atas kadar RM100.00 sebulan bagi pegawai yang menjalankan tugas kurang daripada 15 hari dalam satu (1) bulan kalendar.

(4)

11. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- 11.1. Borang Tuntutan Elaun Khas Petugas Penjawat Awam di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seperti **Lampiran 1** yang disahkan dan diluluskan oleh Ketua Yang Menyelia pegawai bertugas. **Petugas PPV yang dikelolakan di HSAJB perlu disahkan dan diluluskan oleh Timbalan Pengarah (Perubatan);**
- 11.2. Memo/Surat Arahan Bertugas kepada pegawai yang ditandatangani oleh Pengarah Hospital seperti **Lampiran 2**. Memo/Surat Arahan Bertugas perlu ditandatangani sebelum tugas di PPV dimulakan.

12. Kelayakan tuntutan adalah bermula dari tarikh pegawai memulakan tugas, iaitu **pada atau selepas 1 April 2021** sehingga pegawai tidak lagi diarah melaksanakan skop di perenggan 7.

13. Tuntutan ini hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 10 haribulan bulan berikutnya kepada Unit Pengurusan Kewangan dengan hanya satu (1) tuntutan yang dibenarkan untuk satu-satu bulan kalendar. Kelonggaran diberikan untuk tuntutan bulan April dan Mei 2021 (dihantar secara berasingan) yang perlu dikemukakan sebelum 17 Jun 2021 sahaja.

Tanggungjawab Pentadbir / Penyelaras PPV.

14. Pentadbir / Penyelaras PPV bertanggungjawab untuk memastikan perkara- perkara berikut:

- 14.1 Pegawai telah diarahkan secara rasmi untuk melaksanakan skop tugas di PPV;
- 14.2 Menyemak jadual bertugas atau penggiliran bertugas dan rekod kehadiran bertugas agar permohonan pegawai selari dengan jumlah tuntutan elaun khas yang dibuat;
- 14.3 Sekiranya tuntutan pegawai teratur, Pentadbir/Penyelaras PPV yang menyelia pegawai boleh mengesahkan tuntutan tersebut;
- 14.4 Membuat semakan, mengesahkan dan meluluskan setiap tuntutan elaun berdasarkan dokumen tuntutan lengkap dan sah;
- 14.5 Memastikan tuntutan pegawai tidak bertindih dengan tuntutan elaun khas COVID-19 sepertimana dijelaskan di para 9.1;
- 14.6 Tuntutan bagi bulan Disember tahun semasa boleh diuruskan pada bulan Januari tahun berikutnya.

15 Berikutan dengan proses permohonan yang dipermudahkan, sekiranya mana-mana pegawai disyaki membuat tuntutan palsu, Ketua Jabatan asal pegawai boleh mengarahkan siasatan ke atas pegawai. Sekiranya sabit kesalahan, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

TARIKH KUATKUASA

16 Pelaksanaan bayaran elaun ini berkuatkuasa mulai 1 April 2021 atau mulai pegawai diarah melaksanakan skop tugas di perenggan 7, sehingga pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PICK ditamatkan oleh Kerajaan.

(5)

17. Kerjasama YBrs. Dr./tuan/puan adalah dipohon untuk memastikan pemanjangan perkara ini kepada semua anggota di bawah seliaan masing-masing untuk tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan kepada pegawai di Unit Pengurusan Kewangan seperti berikut:

- a) Puan Subathira A/P Jayaramachandram
E-mel: subathira@moh.gov.my
Sambungan: 2907
- b) Puan Masdita binti Md Dan
E-mel: masdita@moh.gov.my
Sambungan: 2797
- c) Puan Hamidah binti Mohamed
E-mel: hamidahm@moh.gov.my
Sambungan: 2921
- d) Puan Nor Aslin binti Badron
E-mel: aslin@moh.gov.my
Sambungan: 2925

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISME ADALAH BUDAYA KERJA KITA"



(DR. HJ. MOHTAR BIN PUNGUT @ HJ. AHMAD)